



Buletin Sik Man Indah

دايره سيك

DAERAH UNGGUL, SEJAHTERA,
LESTARI DAN INKLUSIF



100%
Liberica



DATARAN IKAN BAUNG TASIK BERIS



سيك قدح | SIK KEDAH

SEKAPUR SIRIH



MAHAMAD SUHAIMI BIN MAN, SDK., AMK., BCK. **YANG DIPERTUA** **MAJLIS DAERAH SIK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Ketua diibaratkan seperti nakhoda, manakala organisasi pula diibaratkan seperti sebuah kapal. Nakhoda bertanggungjawab membawa kapal belayar di samudera untuk sampai ke persinggahan yang hendak dituju. Sekiranya nakhoda tidak memiliki halatuju dan arahan yang tepat, maka kapal berkemungkinan akan lambat sampai ke destinasi ataupun boleh karam di lautan yang bergelora.

Begitulah juga dengan organisasi, cabaran yang perlu ditempuh adalah sukar diduga, namun ketualah yang akan memainkan peranan ke mana arah organisasi hendak dibawa. Sekiranya perancangan rapi dan teliti dibuat, pastinya dapat menghasilkan kejayaan yang membanggakan.

Seorang ketua, tidak kiralah diperingkat mana dia berada sekalipun, pastinya memikul amanah dan tanggungjawab tersendiri. Cuma membezakan kejayaan seseorang ketua dalam memimpin organisasinya adalah bergantung kepada kesepakatan (team work) dikalangan anak buahnya.

Disamping itu, janganlah kita melupakan mereka yang telah banyak berjasa kepada Pembangunan Sik. Ketua akan kerap bertukar, tetapi matlamat organisasi tidak akan berubah dalam memberi khidmat kepada masyarakat. Sepatutnya kita bersyukur dan berterima kasih diatas sumbangan yang diberikan oleh mereka yang benar-benar ingin melihat kemajuan dan pembangunan yang lebih baik di daerah Sik ini.

Oleh itu, sekali lagi saya berharap agar kita dapat memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada ketua kita dalam mendokong aspirasi pembangunan daerah dan masyarakat amnya kerana organisasi ini diibaratkan seperti sebuah bangunan, kekuatannya terletak kepada binaan asas yang kukuh selain bahan binaan yang bermutu tinggi dikalangan kakitangan sesebuah organisasi tersebut. Selamat Maju Jaya kepada Buletin Sik Indah

SEULAS PINANG



MUHAMAD MIZAR BIN MORAT, BCK..

SETIAUSAHA

MAJLIS DAERAH SIK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmatNya kita diberi peluang mengeluarkan Buletin Sik Nan Indah sebagai bahan maklumat terkini berkaitan Majlis Daerah Sik untuk dikongsi bersama masyarakat umum. Tahniah sidang redaksi MDS yang begitu proaktif.

Tahun 2023 mencoretkan banyak peristiwa di daerah Sik. Setiap peristiwa itu pasti ada suka dan duka yang akan terus menjadi memori untuk masa-masa akan datang. Yang elok dijadikan tauladan, yang tidak elok dijadikan sempadan. Untuk tahun 2023 ini pula, cabaran yang bakal ditempuhi pastinya lebih hebat samada dalam aspek pembangunan infrastruktur di peringkat daerah, perhubungan awam dan juga sosialnya.

Kunci utama kepada kejayaan sesebuah daerah itu bukanlah terletak kepada kehebatan pembangunan infrastukturnya, tetapi terletak kepada kerjasama yang terjalin di antara mereka yang terlibat bagi menjayakan aspirasi tersebut. Itulah pendekatan yang selalu diterapkan oleh semua kakitangan di Majlis Daerah Sik, termasuklah yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan, NGO dan komuniti setempat.

Sebagai salah sebuah PBT di Negeri Kedah, Majlis Daerah Sik sentiasa cuba mengikuti tren perkembangan terkini dalam sistem pentadbirannya dan juga kebolehpayaan kakitangannya dalam segala aspek. Diharapkan tahun 2023 ini akan menjadikan kita semua lebih proaktif dan efisien ke arah transformasi kerja yang lebih cemerlang selain meningkatkan kepercayaan komuniti terhadap bidangkuasa PBT di daerah Sik.

SIDANG REDAKSI BULETIN SIK NAN INDAH 2023



KETUA PENYELARAS / PENYUNTING
Muhamad Mizar bin Morat. BCK



KETUA PENGARANG
Mazulifa binti Mahmud



PENOLONG KETUA PENGARANG
Mohd Nazim bin Othman



PENGARANG
Muniratul Afkar binti Mohd Isa



PENGARANG
Mohd Fauzi bin Md Isa



PENGARANG
Mohamad Zahir bin Md Ideris



PENGARANG / JURUFOTO
Hazwan bin Che Umar

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT	CATATAN
SEKAPUR SIRIH & SEULAS PINANG	1 - 2	
SIDANG REDAKSI	3	
PENCAPAIAN	4 - 5	
PERISTIWA	7 - 21	
KELAHIRAN ANAK KAKITANGAN	22	
HARI LAHIR	23 - 24	





PENERIMAAN SIJIL PENGIKTIRAFAN



12 Mac 2023 (Ahad) merupakan tarikh keramat bagi MDS di mana keputusan Sistem Penarafan Bintang-Pihak Berkuasa Tempatan telah diumumkan di dalam Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Ipoh di mana MDS telah memperolehi kejayaan iaitu dengan mendapat Penarafan 5 Bintang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yg telah di buat penilaian pada 21 Jun 2022 (Selasa)



PENCAPAIAN KPI HRMIS BAGI TAHUN 2022

Majlis Daerah Sik telah mencapai KPI HRMIS 100% secara keseluruhannya bagi tahun 2022. Kriteria KPI HRMIS bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :

- Data Perjawatan
- MyPortfolio
- Perisytiharan Harta
- Sasaran Kerja Utama (SKU)
- Penglibatan & Sumbangan (P&S)
- Pertukaran
- Penangguhan kerja
- Program Pembangunan Kompetensi (PPK)
- Majlis Bersama Jabatan
- Penamatan Perkhidmatan
- Pemurnian Data



كردح سجاثر
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Setinggi Tahniah

MAJLIS DAERAH SIK

DI ATAS KEPUTUSAN PENCAPAIAN
KPI HRMIS 100% BAGI TAHUN 2022



Majlis Daerah Sik
facebook.com/mdsik



@majlisdaerahsik
twitter.com/mdsikkedah



@majlisdaerahsik
instagram.com/majlisdaerahsik/

BENGKEL SIASATAN DAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN AKTA 133 MAJLIS DAERAH SIK



Bengkel ini telah diadakan pada 15 & 16 Januari 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Sik yang disertai oleh 26 kakitangan. Encik Shamsul Azwan bin Ahmad Sabri, Unit Undang-Undang Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) sebagai penceramah pada hari tersebut. Majlis Daerah Sik telah menganjurkan Bengkel Siasatan dan Penyediaan Kertas Siasatan Akta 133 dengan perincian kupasan bengkel berkaitan Seksyen 70. Notis mengenai bangunan baharu, Seksyen 72. Meruntuh atau memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan dan Akta 172.



KURSUS MINDA SIHAT KERJA HEBAT MAJLIS DAERAH SIK KURSUS MINDA SIHAT KERJA HEBAT MAJLIS DAERAH SIK



Tarikh: 19 Februari 2023 (Khamis)
Tempat: Dewan Anggerik Sik Inn
Penyertaan: 40 orang kakitangan
Penceramah: Encik Mohd Azrin bin Md Isa
Unit Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Majlis Daerah Sik telah menganjurkan Kursus Minda Sihat Kerja Hebat kepada kakitangan Majlis Daerah Sik dengan perincian kupasan kursus berkaitan Pengenalan Minda Sihat dan Pengurusan Stres pada slot pertama, Peranan Emosi Yang Sihat Dalam Kehidupan Sehari-hari pada slot kedua dan diakhiri dengan slot ketiga Kecerdasan Mental dan Fizikal Dalam Pembangunan Organisasi.




TAKLIMAT MILWAUKEE BERSAMA JABATAN TEKNIKAL MAJLIS DAERAH SIK

Taklimat ini telah diadakan pada 6 Februari 2023 bertempat di perkarangan parkir Majlis Daerah Sik yang disertai oleh kakitangan teknikal Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Sik. Hal ini bertujuan memberi pengetahuan kakitangan berkenaan peralatan elektronik penggunaan mesin.



GOTONG ROYONG JABATAN KEJURUTERAAN



Menyemak aset milik jabatan dan memastikan berada dalam keadaan baik dan teratur.

LAWATAN TAPAK JABATAN KEJURUTERAAN



LAWATAN TAPAK BERSAMA JABATAN AUDIT CERUN KPKT



LAWATAN TAPAK KOLAM TAKUNGAN BERSAMA PIHAK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



PERJUMPAAN BERSAMA PIHAK TNB BERKENAAN ISU PERMIT



LAWATAN JABATAN KEJURUTERAAN KE KILANG BESI



PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN KESIHATAN DAN PELESENAN



Aktiv @ Sik Lestari anjuran bersama Pejabat Kesihatan Daerah Sik, Pejabat Belia dan Sukan Daerah Sik dan Jabatan Penerangan Daerah Sik



Jualan Tapak Bazar Ramadan Tahun 2023



Gotong-royong menanda dan mengecat Tapak Bazar Ramadan Pekan Sik



Kunjung Hormat Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Kedah ke Majlis Daerah Sik



Pemantauan Kebersihan Tandas Awam Medan Selera Semarak



Hebahan Kempen Membeli Minyak Masak Terpakai dan Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran bersama SWCorp di Tapak Bazar Ramadan Pekan Sik



Operasi Penangkapan dan Pelupusan Anjing Liar



Kerja-kerja Penyelenggaraan Tangki Kumbahan Tandas Awam Stesen Bas Sik (Tandas Buluh)



PROGRAM PEMENTORAN (MENTORING & COACHING) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2023

Anjuran : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

Pelaksanaan Program Pementoran (Mentoring & Coaching) dalam perkhidmatan awam adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 18 Tahun 2005 iaitu Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010 adalah dirujuk.

IKRAR MENTOR & MENTI

“ IKRAR MENTOR:

KAMI,
SEBAGAI MENTOR BERIKRAR,
AKAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN
MEMBIMBING DAN MEMBANTU MENTI KAMI,
DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DAN
MENJAGA SEGALA RAHSIA MENTI,
BERDASARKAN ETIKA PEMENTORAN
YANG TELAH DITETAPKAN. ”



MOHAMMAD HAZRIL BIN SHUIB
MENTOR

“ IKRAR MENTI:

BAHAWA KAMI,
SEBAGAI MENTI BERIKRAR
AKAN MENERIMA TUNJUK AJAR DAN
TEGURAN
DENGAN HATI YANG TERBUKA DAN
POSITIF,
TERHADAP SEBARANG USAHA MENTOR
UNTUK MEMBANTU MEMBIMBING
MENINGKATKAN POTENSI DIRI,
KE ARAH KECEMERLANGAN
PERKHIDMATAN KAMI. ”



AZLAN BIN ABD AZIZ
MENTI

SELASA
06 JUN 2023
DEWAN JAMUAN NEGERI
ARAS 6, BLOK E,
WISMA DARUL AMAN
3.30 PETANG



مجلس دائيره سيك
MAJLIS DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN

- KUMPULAN 32 -



Pelaksanaan Pementoran dalam Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Sektor Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan Program Pementoran (Mentoring & Coaching) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2023 dimulai dengan menganjurkan Bengkel Pementoran yang telah diadakan pada 17 dan 18 Mei 2023 (Rabu dan Khamis), Masa 8.30 pagi – 4.30 petang bertempat di Dewan INSPIN (Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Darul Aman), Jalan Masjid Sultanah, Alor Setar. Seramai 74 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana telah dicalonkan sebagai mentor dan mentee untuk program tersebut. Terdapat 37 kumpulan yang menyertai Program Pementoran pada tahun ini dan Majlis Daerah Sik merupakan peserta kumpulan yang ke 32.

Bagi memudahkan urusan penyampaian maklumat berkaitan program, pihak urus setia telah mewujudkan Group Whatsapp sementara. En. Mohd Hanizam bin Mansor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bertanggungjawab sebagai ketua penyelaras program bagi memastikan program pementoran berjalan dengan lancar dan teratur.

Pemadanan secara rasmi di antara Mentor dan Menti dijalankan terus semasa Bengkel Pementoran. Bengkel ini memberi ruang kepada semua mentor dan menti menjalankan sesi taaruf (Perkenalan atau saling mengenal) di antara mereka. Pemahaman berkaitan prosedur pementoran juga telah dijelaskan dengan lebih mendalam oleh penceramah yang didatangkan khas dari Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) iaitu Puan Siti Hasiah binti Jusoh. Format dan skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh setiap mentor dan menti telah diberi penjelasan sepenuhnya oleh penceramah bagi memastikan tugas dapat disiapkan dan dihantar setiap dua (2) bulan kepada urus setia mengikut masa yang telah ditetapkan. Mesyuarat Penyelarasan Pementoran juga diadakan bertujuan untuk memantau pelaksanaan program pementoran dan membincangkan isu-isu mentor menti yang dihadapi sepanjang program dijalankan.

Objektif program pementoran ini adalah untuk memberi fokus kepada menti bagi peningkatan pemahaman berkaitan kompetensi profesional, sendiri dan hubungan sosial, meningkatkan potensi dan kerjaya menti dalam organisasi, menerapkan pembelajaran berterusan melalui perkongsian pengalaman mentor kepada menti dan membudayakan kerja berprestasi tinggi dengan menjadikan mentor sebagai role model. Program Pementoran merupakan program latihan dalam perkhidmatan yang menggunakan konsep saling berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman (tacit knowledge) di antara pegawai senior/ penyelia dengan pegawai lantikan baharu. Akhir sekali, program yang dijalankan ini telah banyak memberi pendedahan dan pembelajaran yang berguna kepada semua peserta yang hadir.



LAWATAN AHLI JAWATANKUASA PERANCANGAN, PEMBANGUNAN DAN PELANCONGAN BERSAMA TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH SIK KE TASIK BERIS

Tarikh: 22 Februari 2023 (Rabu)

Tempat: Tasik Beris

Penyertaan: 15 orang

Majlis Daerah Sik mengadakan satu lawatan Ahli Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pelancongan bersama Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Sik bagi tujuan melawat pulau-pulau dan pembangunan di Tasik Beris.



SUMBANGAN INFAK RAMADAN UNTUK PUSAT TAHFIZ

Kedatangan bulan Ramadhan setiap tahunnya tak henti menjadi penghibur hati orang mukmin. Bagaimana tidak, beribu keutamaan ditawarkan di bulan ini. Pahala diobral, ampunan Allah bertebaran memenuhi setiap ruang dan waktu. Seorang yang menyadari kurangnya bekal yang dimiliki untuk menghadapi hari penghitungan kelak, tak ada rasa kecuali sumringah menyambut Ramadhan. Insan yang menyadari betapa dosa melumuri dirinya, tidak ada rasa kecuali bahagia akan kedatangan bulan Ramadhan. Dengan kerjasama Iktisad Planner dan Majlis Daerah Sik sempena Ramadan, program INFAK RAMADAN telah dilaksanakan di 6 pusat tahfiz di Daerah Sik pada 13 Mac 2023 iaitu:

1. Madrasah Ar Rahmaniah
2. Darul Quran Wa At Tarbiah Al Munir
3. Tahfiz An-Nur Muhammadi, Telaga Batu
4. Madrasah Baituttaqwa Warrahmah
5. Pusat Pengajian Tahfiz dan Pondok Raudathul Jannah
6. Madrasah Darul Muthadin, Kmapung Sungai Pau

SUMBANGAN PROGRAM CSR "Back to School" 2023



Pelajar sekolah rendah dan menengah yang terdiri daripada anak-anak yang menetap Rumah Gemilang, Daerah Sik menerima pakaian dan kelengkapan sekolah baharu dalam program Kembali ke Sekolah baru-baru ini. Program dianjurkan oleh Majlis Daerah Sik dengan kerjasama sekali lagi Iktisas Planner sebagai usaha membantu meringankan beban keluarga.

Hadir sama dalam program, Tuan Setiausaha Majlis Daerah Sik Encik Muhamad Mizar bin Morat. Dalam ucapan beliau berkata "Hanya pelajaran dapat membantu kita keluar dari putaran kemiskinan dan kepayahan hidup kerana keluarga kita kebanyakan datang dari golongan yang susah". Semua berharap agar program seperti ini akan diadakan setiap tahun bagi membantu golongan yang memerlukan.


Antara aktiviti yang dijalankan:

1. Program Amal Mesra Bersama Anak-anak Rumah Gemilang
 - Pertandingan Mewarna
 - Pertandingan Meniup Belon
 - Pertandingan Telefon Karat
 - Pertandingan Bowling Klasik
 - Pertandingan Memancing
2. Sesi Ceramah bersama Ustaz Shafini Bin Idris bertajuk 'Adab dalam Pergaulan dan Kelebihan Anak Yatim
3. Penyampaian Sumbangan Barangan Sekolah

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH SIK



Program adalah anjuran bersama tiga jabatan Pentadbiran Daerah Sik iaitu Pejabat Daerah Sik, Pejabat Tanah Sik Dan Majlis Daerah Sik yang telah diadakan pada 17 Mei 2023 (Selasa) bertempat di Dewan Al-Hana Sik. Ketua Jabatan dan agensi seluruh Daerah Sik jugak menerima jemputan serta Anak-anak Yatim Rumah Gemilang turut serta pada sambutan kali ini.



MAJLIS PERASMIAN HARI PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN PERINGKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2023 (HPPNK 2023)



Majlis HPPNK 2023 ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah Darul Aman dan diiringi oleh Yang Berhormat Dato' Azman Bin Nasrudin, Exco Pertanian & Asas Tani, Pengangkutan, Pembangunan Insan dan Industri Utama di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah .



Menteri Besar Kedah melawat booth Daerah Sik untuk melihat pelbagai produk keluaran Daerah Sik yang dijadikan pameran dan jualan. Untuk makluman Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2023 (HPPNK 2023) akan berlangsung selama 5 Hari bermula 1 Jun 2023 hingga 5 Jun 2023 bertempat di Perkarangan Stadium Darul Aman.



PROGRAM KEMASYARAKATAN DI MAJLIS DAERAH SIK BAGI PENGGAL PERTAMA TAHUN 2023

PROGRAM KHIDMAT SOSIAL

Komuniti Fun Walk bersama Tuan YDP MDS ini melibatkan masyarakat sekitar Daerah Sik antaranya Jabatan/ Agensi, pembayar cukai tafsiran, penyewa kedai majlis, pelajar IPT dan pelajar sekolah menengah sekitar Daerah Sik.



PROGRAM KESEDARAN PENDIDIKAN

Program ini melibatkan pelajar Sekolah Menengah seluruh Daerah Sik bagi segmen ceramah kesedaran kesihatan yang disampaikan oleh pegawai perubatan bahagian farmasi Pejabat Kesihatan Sik dan pegawai Klinik Pergigian Sik. Disamping itu, MDS menjemput Jabatan/ Agensi, NGO s erta IPT untuk menyertai pameran sebanyak 16 pempamer yang terlibat. Pejabat Pertanian Daerah Sik juga mengadakan Pertandingan Durian Premium Daerah Sik.



PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN

Futsal Piala YDP bawah 18 tahun yang mana disertai oleh 10 buah pasukan yang terdiri daripada sekolah menengah sekitar Daerah Sik. MDS telah melantik Kelab KKSR sebagai urus setia teknikal bagi Pertandingan Futsal Piala YDP ini, bagi memberi pendedahan kepada kakitangan menganjurkan program seperti ini.



FUN RIDE MB BERSAMA KCS (Pegawai Tadbir Negeri Kedah) 2023



YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor, Menteri Besar Kedah serta YB Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, berkesempatan menyertai Fun Ride MB bersama KCS (Pegawai Tadbir Negeri Kedah) 2023 Daerah Sik pada pagi ini yang telah disertai oleh Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kedah.


Program kayuhan ini adalah siri ke-2 yang dilaksanakan selepas kayuhan siri pertama di Seri Mentaloon, Alor Setar Kedah. Kayuhan telah bermula di Masjid Al-Islah, Bandar Baru Beris Jaya, Sik Kedah sekitar jam 8 pagi yang telah melalui jarak hampir 21 kilometer di dalam kawasan Daerah Sik. Pelepasan kayuhan telah disempurnakan oleh Encik Mahamad Suhaimi bin Man, Pegawai Daerah Sik.

Dalam kayuhan kali ini, YAB Menteri Besar, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan peserta kayuhan yang lain berkesempatan untuk singgah di Dewan Serbaguna Kampung Selamat dan Dataran Masjid Al-Islah bagi menyantuni dan memberikan sedikit sumbangan kepada masyarakat setempat.

Turut serta dalam sesi kayuhan kali ini adalah Pegawai Kewangan Negeri Kedah, YB Dato' Wira Haji Isahak bin Murat, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBhg. Dato' Haji Mohd. Fauzi bin Mustaffa, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, YBhg. Dato' Md. Shuhaime bin Abd Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBhg. Dato' Haji Syed Khairul bin Syed Abidin serta Pegawai Tadbir Negeri Kedah.



KELAHIRAN ANAK KAKITANGAN



HARI LAHIR KAKITANGAN DAN PEGAWAI

JANUARI

UHAMMAD AZAM BIN ISHAK
ILIANA SHAZWANIE BINTI SOBRI
AMERAN BIN ISHAK
MOHD FADZLI BIN ROSLI
MOHD NIZAM BIN SAID
NOR HASLIZA BINTI ISMAIL
NOOR AZILA BINTI JOHAN

FEBRUARI

SUKAIDA BINTI YUSOF
SABRI BIN OTHMAN
RASHIDAH BINTI HUSSIN
NURIZZATI BINTI YAZIB
MUHAMMAD AZRIKH BIN ABD TALIB
MAZULIKA BINTI MAHMUD

MAR

NOOR IZYANTI BINTI ALIYAS
MOHAMMAD TAJUDIN BIN KASIM
MUHAMMAD FARIQ FARHAN BIN NOOR AZMAN
MOHAMMAD ZARITH ZAIDI BIN MOHAMMAD SALIH
MUHAMMAD SHUHADI BIN ABDUL MALEK
MOHAMMAD SHABIR ASMAWI BIN SHARIEF
MOHAMMAD ZAKIR BIN MD IDERIS
MUHAMMAD AHSRAF BIN ARMUZI
NAS BUKHORI BIN ZULKIFLY

APRIL

MUHAMMAD BADLI BIN MUBAKKIH ISMAIL
MOHD NAZIM BIN OTHMAN IBRAHIM
MOHAMMAD FAZLI BIN TALIB
HAZWAN BIN CHE UMAR
MOHD AMINUDDIN BIN MD ZAIN
MUHAMMAD NAIM BIN MOHD SIDEK

MAY

NURATIQA BINTI AB RAHIM
NOOR ALIZA BINTI YAACOB
MOHD NIZAM BIN RAZALI
ROSHETA BINTI AHMAD
NUR SYAZWANI BINTI MAKHZAN
MOHAMMAD FAUZAN BIN AHMAD
SITI NORMAIZURA BINTI MOKHTAR
MOHAMMAD NAIM BIN KHALIB
MOHD ZAINUDDIN BIN AHMAD

JUN

YAHAYA BIN HAMID
NURUSSHUHADA BINTI ABD HALIM
SARIPAH BINTI HAMID
KAMILAH BINTI KHALIB

  **كرداه سجاھتھرا**
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA


Mahamad Suhaimi Bin Man, SDK, AMK, BCK
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK

Selamat Hari Lahir
30 MAC 2023
8 RAMADHAN 1444H
ucapkan tulus ikhlas daripada:
TUAN SETIAUSAHA, AHLI MAJLIS,
SERTA SELURUH WARGA KERJA MAJLIS DAERAH SIK

 Majlis Daerah Sik
facebook.com/mdsik  @majlisdaerahsik
twitter.com/mdsikkedah  @majlisdaerahsik
instagram.com/majlisdaerahsik/

  **كرداه سجاھتھرا**
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA


Mahamad Mazar bin Mazar, BCK
SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH SIK

Selamat Hari Lahir
22 MEI 2023
2 ZULKAEDAH 1444H
ucapkan tulus ikhlas daripada:
YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS,
SERTA SELURUH WARGA KERJA MAJLIS DAERAH SIK

 Majlis Daerah Sik
facebook.com/mdsik  @majlisdaerahsik
twitter.com/mdsikkedah  @majlisdaerahsik
instagram.com/majlisdaerahsik/

HARI LAHIR KAKITANGAN DAN PEGAWAI

JULAI

ABDUL GHANI BIN MOHD HABIB
MOHD AMIRUL HUSNI BIN MOHAMMAD ASRI
MUNIRATUL AKWAR BINTI MOHD ISA
MOHD FADZELY BIN SEFIAN
ASRALINA BT ABDUL SAMAT

OGOS

NOOR HASYIMAH BINTI SHAFIE
MOHD ZURAILI BIN ROZALI
AMIRA ROHAYU BINTI ABD RAHMAN
MUHAMMAD ZARIS ARIFFIN BIN AZMI
IBRAHIM BIN DIN

SEPTEMBER

ABDUL HAKAM BIN DOLLAH
AZRUL HANIF BIN IBERAHIM
NUR AZIZAH BINTI MANSOR
AZMI BIN WAN CHIK
NUR SYAZWANI BINTI MD SUHAIMI
MOHD SHAHIDAN BIN ABD WAHAB
MOHAMMAD HAZRIL BIN SHUIB
ZURYANIE BINTI ZAINOL

OKTOBER


JAZLAN BIN JOHARI
MOHAMMAD FADLI BIN ABD RAHMAN
NUR SYAZANA BINTI AL KINDY IBNU SINA
ROSLIZAN BIN AHMAD
ZHAFARINA BINTI ABD KARIM
ABDUL HADI BIN ISMAIL
MUHAMMAD HAFIZ BIN MOHD NAZUR
NOOR ZAIMAH BINTI MAT DAUD
MOHD SYAZWAN BIN SUKARDI
MURNY DARLESSA BINTI CHIK@LAW AH LIB

NOVEMBER

MOHAMMAD FAUZI BIN MD ISA
MOHD NAZRI BIN ZULKIFLI
SITI HAIRUSSANA BINTI MD DESA
NUR JANNAH BINTI HAMZAH
MUHAMAD FARUKI BIN MD ISA
MUHAMMAD FIRDAUS BIN ISHAK
MUHAMMAD RAHIMI BIN AHMAD BUNI
AIMAM NAIM BIN AZMI BAZIR

DISEMBER

AZLAN BIN ABD AZIZ
MD ZINE BIN WAHID
MUHAMAD YAHAYA BIN MOHAMAD ZAKARIA
MUHAMMAD IKHSAN BIN YAHAYA
ASMALIZA BINTI ISMAIL YATIM



TERIMA KASIH

سلامت جالن

JUMPA LAGI



سيك قدح | SIK KEDAH